



📍 Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Sabah  
📅 Disember 2, 2019  
🏛️ Bahagian Litigasi Cukai Jabatan Undang-Undang LHDNM

## HAKIM

YA Mairin Bin Idang @ Martin

## PEGUAM HASIL

Norsalwani Muhd Nor  
Irfan Muashik Jantan

# MAHKAMAH TINGGI MENGESAHKAN PAMPASAN YANG DITERIMA DARIPADA PELANGGARAN KONTRAK ADALAH PENERIMAAN HASIL

## — PSB v. KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI ISU

Sama ada pampasan yang diterima oleh Perayu daripada Kerajaan Negeri akibat daripada pelanggaran kontrak adalah bersifat penerimaan hasil dan boleh dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967?

## FAKTA KES

1. Perayu merupakan syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan menjalankan aktiviti pembalakan. Perayu telah ditawarkan sebidang tanah berukuran 1,500 ekar daripada Jabatan Ukur & Tanah Sabah (LSD), agensi di bawah Kerajaan Negeri Sabah. Perayu telah bersetuju dengan tawaran tersebut dan membayar sejumlah premium kepada Kerajaan Negeri Sabah pada 7.3.1995.
2. Walau bagaimanapun, melalui surat daripada Pejabat ketua Menteri bertarikh 8.6.1995, Perayu menerima tawaran baharu dengan terma dan syarat baharu di mana LSD memberikan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) terhadap kawasan pembalakan tersebut bagi tempoh 1.11.1996 - 1.11.1998 dan tanah yang diberi sebelum ini perlu diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri.
3. Perayu telah memperolehi *License To Take Forest Produce (Round Logs Only)* bermula 23.8.1997 hingga 1.11.1998 dan kemudiannya memohon perlanjutan TOL dan Lesen Pembalakan sehingga 1.11.1999. Namun begitu, permohonan Perayu telah ditolak dan Perayu memfailkan tindakan di mahkamah kerana pelanggaran kontrak di atas kegagalan Kerajaan Negeri memperbaharui TOL dan Lesen Pembalakan.
4. Mahkamah telah membuat keputusan berpihak kepada Perayu dan Perayu telah menerima sejumlah wang sebagai pampasan termasuk faedah daripada Kerajaan Negeri. Responden kemudiannya telah mengenakan cukai ke atas penerimaan pampasan tersebut. Perayu tidak berpuashati dengan cukai yang dikenakan dan telah memfailkan rayuan ke Pesuruhjaya Khas Cukai pendapatan (PKCP). PKCP menolak rayuan Perayu dan mengekalkan taksiran yang dibangkitkan. Perayu yang tidak berpuashati dengan keputusan tersebut memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi.

## HUJAHAN PERAYU

1. Perayu menyatakan penerimaan pampasan tersebut merupakan penerimaan modal. Oleh itu, ianya tidak dikenakan cukai di bawah ACP 1967.
  2. Perjanjian di antara Perayu dan Kerajaan Negeri Sabah yang melibatkan penyerahan semula tanah 1,500 ekar dan pertukaran kepada hak untuk membalak bukan jualan ataupun transaksi komersial yang dilakukan '*in the ordinary course of business*'.
  3. Perjanjian di antara Perayu dan Kerajaan Negeri Sabah meletakkan syarat kepada Perayu dalam menjalankan perniagaan Perayu (*Framework Agreement*).
- 

## HUJAHAN RESPONDEN

1. Responden menyatakan pampasan tersebut adalah merupakan penerimaan hasil di bawah perenggan 22(2)(b) ACP 1967 ("*Compensation for loss of income*") dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP 1967.
  2. Perintah bayaran pampasan adalah berdasarkan penilaian pampasan yang disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sabah iaitu anggaran nilai jualan atau jumlah balak yang belum sempat dimasukkan oleh Perayu.
  3. Fakta menunjukkan bahawa perjanjian di antara Perayu dan Kerajaan Negeri Sabah tidak berkaitan dengan "*the whole structure of the profit making apparatus*" Perayu.
  4. Tanah yang dipulangkan semula kepada Kerajaan Negeri Sabah sebagai pertukaran kepada konsesi membalak adalah tidak relevan dengan isu yang dirayu.
- 

## KEPUTUSAN

Mahkamah Tinggi menolak rayuan Perayu dengan kos RM3,000.00 dan bersetuju dengan keputusan dan penemuan yang dibuat oleh Panel PKCP bahawa penerimaan pampasan tersebut adalah penerimaan hasil yang tertakluk kepada ACP 1967.